

SMART buat pemeriksaan pintu kawalan banjir

Kuala Lumpur: Pihak terowong Lebuh Raya Syarikat Mengurus Air Banjir dan Terowong Sdn Bhd (SMART) sudah melakukan pemeriksaan dan pemantauan menyeluruh terhadap pintu kawalan banjir, pintu kawalan jalan raya dan semua pintu kedap air bagi menghadapi perubahan angin monsun yang menyebabkan hujan lebat berlaku tanpa dijangka.

Ketua Pegawai Operasi Lebuh

raya SMART, Mohd Noor Mohd Ali, berkata pemeriksaan itu dilakukan pada 20 Oktober lalu, semasa Ujian Bulanan Terowong SMART.

“Ia bertujuan memastikan sistem banjir pada terowong berada dalam keadaan yang baik dan mengikut keperluan yang ditetapkan meliputi pemeriksaan dan penyelenggaraan terhadap sistem pam terowong SMART secara keseluruhan-

nya,” katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, pihak penguurusan SMART sentiasa berada dalam keadaan bersiap siaga bagi menghadapi perubahan angin monsun itu dan ujian bulanan serta pemeriksaan sistem terowong secara menyeluruh adalah bertujuan menguji tahap kecukupan anggotanya selain memastikan aset dalam keadaan baik.

Mohd Noor berkata, peranan utama SMART adalah untuk mengurangkan masalah banjir di sekitar pusat bandar raya Kuala Lumpur terutamanya di hab perniagaan utama di kawasan berhampiran pertemuan Sungai Klang dan Sungai Ampang.

“SMART dibina dengan tujuan melencongkan air berlebihan dari hulu Sungai Ampang dan Sungai Klang sebelum ia menye-

babkan berlakunya banjir di sekitar pusat bandar di Jalan Tun Perak, Jalan Melaka, Leboh Ampang, Dataran Merdeka dan kawasan sekitarnya.

“SMART juga berkomunikasi secara konsisten dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dalam mendapatkan maklumat terkini mengenai keadaan sungai di sekitar Lembah Klang,” katanya.